

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
NEGERI MELAKA**

**PEPERIKSAAN  
PERCUBAAN 2017  
EKONOMI ASAS  
Kertas 1  
SEPTEMBER**

1 ¼ jam  
Satu jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu, **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh di program.*

---

Kertas soalan ini mengandungi **16** halaman bercetak

- 1 Apakah tujuan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan?
  - A Memaksimumkan kos pengeluaran
  - B Memaksimumkan kebajikan rakyat
  - C Meminimumkan kepuasan pengguna
  - D Meminimumkan kebajikan masyarakat
  
- 2 Gambar 1 menunjukkan satu input pengeluaran.



Gambar 1

- Apakah ganjaran yang diterima oleh input pengeluaran tersebut ?
- A Upah benar
  - B Dividen
  - C Bunga
  - D Upah
- 
- 3 Antara yang berikut, manakah yang **benar** tentang sistem ekonomi Islam ?
    - I Penglibatan pihak swasta terbatas
    - II Keuntungan dan kebajikan masyarakat diimbangi
    - III Bebas mencari kekayaan berlandaskan hukum syariah
    - IV Kerajaan memiliki sumber ekonomi
    - A I dan II
    - B I dan IV
    - C II dan III
    - D III dan IV

4 Pasangan manakah yang **benar** ?

	<b>Sistem Ekonomi Kapitalis</b>	<b>Sistem Ekonomi Perancangan Pusat</b>
A	Keputusan ekonomi ditentukan oleh pengguna dan pengeluar	Keputusan ditentukan oleh kerajaan
B	Tidak wujud persaingan	Wujud persaingan bebas
C	Mencapai kebajikan masyarakat	Mencapai keuntungan maksimum
D	Sumber dimiliki oleh kerajaan	Sumber dimiliki oleh pihak swasta

5 Kilang baju Encik Mamat memiliki sumber yang terhad untuk mengeluarkan baju **P** dan baju **Q**. Jadual 1 menunjukkan kombinasi keluaran kilang baju Encik Mamat adalah seperti berikut.

<b>Kombinasi Keluaran</b>	<b>Baju P (Unit)</b>	<b>Baju Q (Unit)</b>
W	0	120
X	50	90
Y	80	50
Z	100	0

Jadual 1

Jika kombinasi keluaran berubah dari X ke Z, berapakah kos lepas untuk mengeluarkan barang **P**?

- A 75 unit baju Q
- B 80 unit baju Q
- C 85 unit baju Q
- D 90 unit baju Q

6 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Puan Rohani

Puan Rohani seorang arkitek dan menerima pendapatan RM 6 000 sebulan. Namun begitu, beliau melepaskan jawatan tersebut dan kini bekerja sebagai seorang guru
--

Apakah faktor pemilihan pekerjaan yang mempengaruhi Puan Rohani berbuat demikian?

- I Jarak
- II Minat
- III Prospek pekerjaan
- IV Kelayakan akademik

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

7 Antara yang berikut, manakah yang merupakan aktiviti pelaburan ?

- A Pembelian surat jaminan kerajaan
- B Pembelian bahan mentah
- C Pembelian saham
- D Pembelian polisi insurans

8 Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan boleh guna

Pendapatan boleh guna = <b>Y</b> - <b>Z</b>
---

**Y** dan **Z** masing-masing ialah

	<b>Y</b>	<b>Z</b>
A	Pendapatan individu	Tabungan
B	Pendapatan individu	Potongan wajib
C	Potongan wajib	Tabungan
D	Perbelanjaan Penggunaan	Tabungan

9 Jadual 2 menunjukkan butiran pendapatan dan perbelanjaan Puan Chimah pada bulan Ogos 2016.

Butiran	Jumlah RM) (Unit)


Gaji bulanan	2 800
Elaun pengangkutan	250
Potongan cukai pendapatan Individu	80
Caruman KWSP	308
Dividen simpanan di bank	120
Bayaran insurans nyawa	220

Jadual 2

Berapakah jumlah pendapatan bolehguna Puan Chimah pada bulan Ogos 2016?

- A RM2, 162.00
- B RM2, 442.00
- C RM2, 562.00
- D RM2, 782.00

10 Rajah 1 di bawah ini menunjukkan keluk permintaan terhadap suatu barang.



Rajah 1


Apakah titik baru bagi titik N jika jangkaan harga barang itu akan naik pada masa depan?

- A L
- B M
- C Q
- D R

11 Antara yang berikut, manakah yang merupakan pendapatan bagi faktor pengeluaran yang tidak produktif?

- A Upah
- B Dividen
- C Faedah
- D Derma

12 Rajah 2 di bawah menunjukkan keluk permintaan bagi baju kurung



Rajah 2

Pergerakan dari X ke Y berlaku disebabkan oleh

- A Kenaikan harga barang itu
- B Kejatuhan harga barang itu
- C Kenaikan harga barang penggenap
- D Kejatuhan harga barang penggenap

13 Keanjalan harga barang Q ialah 0.5. Jika harga barang itu naik sebanyak 1%, berapakah peratus perubahan dalam kuantiti yang diminta?

- A Meningkatkan sebanyak 0.5%
- B Menurun sebanyak 5%
- C Meningkatkan sebanyak 5%
- D Menurun sebanyak 0.5%

14 Jadual 3

butiran  
syarikat  
kasut.

	<b>RM</b>
Sewa Kilang	5 000
Faedah pinjaman	1000
Bahan mentah	16 000
Upah pekerja	20 000
Insurans am	7 000

menunjukkan  
perbelanjaan  
yang mengeluarkan

Jadual 3





Antara yang berikut, pasangan manakah yang benar?

	Kos Tetap (RM)	Kos Purata (RM)
A	8 000	4.90
B	13 000	4.90
C	36 000	5.50
D	41 000	1.30

15 Berikut adalah maklumat yang boleh menyebabkan perubahan permintaan barang Q.

- Gaji kakitangan awam diturunkan sehingga 15%
- Harga barang Q dijangka turun pada masa depan


Keluk permintaan yang manakah yang menunjukkan perubahan permintaan barang Q?



16 Pernyataan manakah yang menerangkan pengeluaran jangka pendek ?

- A Terdapat input tetap sahaja
- B Terdapat input berubah sahaja
- C Terdapat input tetap dan input berubah
- D Suatu jangka masa yang kurang daripada satu tahun

17 Rajah 3 menunjukkan keluk penawaran kalkulator digital.



Rajah 3

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran apabila berlaku perubahan harga di atas?

- A 0.80
- B 1.75
- C 2.00
- D 2.25

18 Gambar 2 menunjukkan sejenis keluaran firma






Gambar 2

Tafsirkan nilai keanjalan harga penawaran ( $E_s$ ) itu.

- A Apabila harga meningkat sebanyak 1 %, kuantiti ditawarkan meningkat sebanyak 3.5 %
- B Apabila harga meningkat sebanyak 1%, kuantiti ditawarkan menurun sebanyak 3.5%
- C Apabila harga menurun sebanyak 3.5%, kuantiti ditawarkan berkurang sebanyak 1%
- D Apabila harga menurun sebanyak 3.5%, kuantiti ditawarkan meningkat sebanyak 1%

- 19 Rajah 4 menunjukkan keluk permintaan bagi empat orang individu terhadap keropok udang.



Rajah 4

Berapakah jumlah permintaan pasaran pada tingkat harga RM 6.00 sekilo?

- A 24 kg
- B 48 kg
- C 56 kg
- D 88 kg

- 20 Jadual 2 menunjukkan fungsi pengeluaran Firma Irfan.


Bilangan buruh (orang)	Jumlah keluaran (unit)
6	80
8	120
10	180
14	360

Jadual 4

Berapakah keluaran sut bagi buruh yang ke 10?

- A 20 unit
- B 30 unit
- C 60 unit
- D 80 unit

21 Rajah 5 menunjukkan keadaan keseimbangan dalam pasaran kasut sukan.



Rajah 5

Apakah kesan terhadap pasaran kasut sukan apabila harga pasaran dicapai pada RM90 sepasang ?

- A Harga kasut sukan akan cenderung untuk
- B Pasaran kasut sukan akan mencapai keseimbangan
- C Berlaku lebih penawaran kasut sukan dalam pasaran
- D Berlaku lebih permintaan kasut sukan dalam pasaran


22 Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan pasaran buruh di Malaysia.

Mulai 1 hb Januari tahun ini, kerajaan akan mengambil tindakan menghantar balik pekerja asing tanpa permit

Apakah kesan terhadap pasaran buruh tempatan apabila kerajaan mengambil tindakan yang sedemikian?

- A Upah buruh akan menurun
- B Upah buruh akan meningkat
- C Penawaran buruh akan bertambah
- D Berlaku kurang permintaan terhadap buruh


- 23 Rajah 6 menunjukkan aliran pusingan pendapatan dalam ekonomi dua sektor.



Rajah 6

Apakah yang diwakili oleh aliran Z?

- A Penawaran faktor pengeluaran
  - B Perbelanjaan penggunaan isi rumah
  - C Pengeluaran barang dan perkhidmatan
  - D Pembayaran pendapatan faktor pengeluaran
- 24 Gambar 3 berkaitan dengan fungsi wang dalam ekonomi.



Gambar 3

Kenal pasti fungsi wang yang terlibat di atas.

- A Sebagai alat ukuran nilai
- B Sebagai alat simpanan nilai
- C Sebagai alat bayaran tertunda
- D Sebagai alat perantaraan pertukaran

25

Maklumat berikut berkaitan dengan suatu keadaan

ekonomi.

- Penawaran wang adalah banyak dalam ekonomi
- Kadar pengangguran adalah rendah

Pilih dasar kewangan yang wajar diambil oleh bank pusat untuk mengatasi keadaan ekonomi di atas.


- I Menurunkan kadar faedah
- II Menjual surat jaminan kerajaan
- III Menaikkan kadar rizab berkanun
- IV Menaikkan kadar cukai pendapatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26

Gambar 4 berkaitan dengan sejenis kemudahan

simpanan bank perdagangan



Gambar 4

Antara yang berikut, yang manakah benar tentang kemudahan simpanan di atas?

- I Encik Lim akan dikenakan bayaran perkhidmatan

- II Encik Lim diberi kadar faedah yang tinggi
- III Encik Lim boleh mmohon kemudahan overdraf
- IV Encik Lim tidak boleh mengeluarkan wang pada bila-bila masa

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

- 27 Logo di bawah berkaitan dengan sebuah institusi kewangan dalam ekonomi.



Gambar 5

Apakah sumbangan institusi kewangan di atas kepada pembangunan ekonomi negara?

- A Menggerakkan tabungan
  - B Menawarkan kemudahan overdraf
  - C Menyediakan sumber pinjaman terakhir
  - D Menjaga kebajikan sosial selepas bersara
- 28 Apakah faktor yang mendorong kepada perubahan struktur ekonomi negara Malaysia?
- A Perkembangan sektor kedua
  - B Penemuan sumber asli baharu
  - C Langkah mempelbagaikan ekonomi
  - D Galakan industri berorientasikan eksport

- 29 Pasangan manakah **benar** tentang sumber hasil kerajaan persekutuan?

	Sumber hasil	Contoh
A	Cukai langsung	Duti eksport
B	Cukai tidak langsung	Cukai pendaparan syarikat
C	Hasil bukan cukai	Bayaran lesen dan permit
D	Hasil Cukai	Pendapatan Pelaburan

30 Pernyataan manakah merupakan perbelanjaan mengurus kerajaan persekutuan?

- A Bayaran balik hutang negara
- B Pembinaan kompleks sukan baharu
- C Menaik taraf lapangan kapal terbang Bintulu
- D Membina rumah kediaman mampu milik untuk rakyat berpendapatan sederhana

31 Pilih pasangan yang **benar** tentang sekuriti kerajaan dan sijil pelaburan.

	Sekuriti kerajaan	Sijil Pelaburan
A	Merupakan pinjaman jangka pendek	Merupakan pinjaman jangka panjang
B	Dibayar faedah	Dibayar Dividen
C	Dijual pada nilai muka	Dijual pada harga diskaun
D	Ditawarkan kepada institusi kewangan Islam	Ditawarkan oleh institusi kewangan konvensional

32 Apakah kelebihan membuat pinjaman dari sumber dalam negara berbanding dengan luar negara?

- A Dijamin oleh kerajaan
- B Jumlah pinjaman lebih besar
- C Tidak dikenakan faedah pinjaman
- D Tidak dipengaruhi oleh perubahan kadar pertukaran asing

33 Urus niaga yang manakah akan menyebabkan nilai Ringgit Malaysia menurun?

- A Syarikat pembinaan tempatan menambahkan pembelian bahan binaan dari Jerman
- B Malaysia meningkatkan eksport minyak sawit ke negara-negara Kesatuan

- Eropah (EU)
- C Semakin ramai peniaga di Singapura menggunakan perkapalan Malaysia untuk mengangkut barang ke Jepun
- D Kementerian Pelancongan Malaysia Berjaya menarik lebih banyak pelancong Asing dari negara ASEAN

**Soalan 34 hingga Soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 34 I Keluk permintaan pasaran menunjukkan kuantiti diminta oleh semua individu dalam pasaran pada suatu tingkat harga tertentu.
- II Bentuk keluk permintaan pasaran adalah mencerun ke atas dari kiri ke kanan
- 35 I Semakin rendah harga purata barang, semakin tinggi upah benar
- II Semakin tinggi upah benar, semakin banya kuantiti barang dan perkhidmatan yang boleh diperoleh
- 36 I Isi Rumah adalah individu atau sekumpulan individu yang tinggal bersama dan membuat keputusan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan
- II Isi rumah membekalkan faktor pengeluaran untuk memperoleh pendapatan



- 37 I Encik Zimi dibayar faedah yang tinggi kerana dia adalah pemegang akaun simpanan tetap di bank perdagangan
- II Sebagai pemegang akaun simpanan tetap, Encik Zimi mendapat kemudahan Overdraf
- 38 I Inflasi berlaku apabila negara menghadapi masalah lebihan stok barangan
- II Semasa inflasi, kerajaan melalui alat belanjawan negara akan meningkatkan kadar cukai dan menurunkan perbelanjaan kerajaan.
- 39 I Kawalan pertukaran asing merupakan satu bentuk sekatan perdagangan antarabangsa
- II Kawalan pertukaran asing menyebabkan permintaan barang import menurun
- 40 I Jumlah kos ialah semua kos yang terlibat dalam suatu proses pengeluaran
- II Jumlah kos adalah sifar sekiranya proses pengeluaran tidak berlaku

### **KERTAS SOALAN TAMAT**

